

21 OCT 2003

Abdullah-Australia

M'SIA TETAP TERUS DASAR BERBAIK-BAIK - ABDULLAH

KUALA TERENGGANU, 21 Okt (Bernama) -- Malaysia akan tetap meneruskan dasar baik-baik dengan mana-mana negara dan menjalinkan hubungan atas prinsip saling hormat-menghormati, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata dasar itulah yang dipegang oleh Malaysia selama ini walaupun adakalanya terdapat perbezaan pendapat mengenai sesuatu perkara.

"Mungkin dalam perhubungan kita (dengan mana-mana negara), ada perkara-perkara khusus yang kita tidak setuju tetapi dalam hal lain kita boleh bekerjasama.

"Ini juga berlaku umpamanya dengan Amerika...ada hal-hal yang kita tidak setuju dan ada yang kita boleh bekerjasama," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Terengganu di sini hari ini.

Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard semalam, ketika menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bangkok.

Howard dipetik sebagai berkata beliau tidak akan tergesa-gesa untuk memperbaiki hubungan dengan Malaysia selepas persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akhir bulan ini.

Howard dilaporkan berkata dalam konteks hubungan antara Australia dan Malaysia selepas pengunduran Dr Mahathir, beliau tidak menjangkakan perubahan besar dalam jangka pendek.

"Saya tidak akan dilihat mengetuk pintu mereka pada hari selepas berlakunya perubahan Perdana Menteri," kata Howard.

Howard juga dilaporkan mengalu-alukan pengganti Dr Mahathir, iaitu Abdullah tetapi menyatakan beliau tidak menjangkakan perubahan sikap yang mendadak daripada Kuala Lumpur.

Mengenai pendirian Australia itu, Abdullah berkata Malaysia tidak boleh memaksa negara berkenaan untuk berbuat sebaliknya.

"Itu pilihan dia, dasar kita ialah baik dengan mana-mana negara serta bertukar pandangan..Jadi bila dia baik dengan kita, kita baik dengan dia..." kata Timbalan Perdana Menteri.

"Dia tidak faham apa yang kita buat dan apa yang kita usaha dan laksanakan adalah mengikut kepentingan kita sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat," kata Abdullah lagi.

Ketika ditanya mengenai laporan agensi berita asing bahawa Presiden Amerika Syarikat George W. Bush menarik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke tepi, semasa Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) semalam kerana tidak bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir tentang kaum Yahudi, Abdullah berkata apa yang dilaporkan adalah berdasarkan kenyataan pegawai Bush.

Katanya beliau tidak tahu apa sebenarnya berlaku..."Biar saya dengar dari (Menteri Luar Datuk Seri) Syed Hamid Albar (dahulu), sebab laporan (berita) itu mengikut apa yang dikatakan oleh pegawai Bush (jurucakap White House Scott McClellan).

Laporan agensi berita itu memetik McClellan sebagai berkata Bush tidak bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir bahawa "Yahudi memerintah melalui proksi dan mereka meminta pihak lain berlawan dan mati untuk mereka" adalah salah dan bersifat memecah belah.

Abdullah berkata sebenarnya apa juga kenyataan yang datang dari Amerika

mengenai isu itu adalah berdasarkan laporan yang telah memetik di luar konteks keseluruhan ucapan Dr Mahathir (pada perasmian Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Putrajaya Khamis lepas).

"Sebab mereka tidak melihat keseluruhan ucapan itu dan hanya memetik satu perkara dalam ucapan Dr Mahathir maka timbul macam-macam pandangan yang hari ini merupakan kecaman yang tidak sepatutnya dilakukan," katanya.

-- BERNAMA

ERE RON